

30 MAY 1996

Ting - India

INDIA MINAT PELAJARI PELAKSANAAN PROJEK PERUMAHAN DI MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- India berminat mempelajari mengenai program perumahan kos rendah yang dijalankan di Malaysia untuk dilaksanakan di negara itu, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh, hari ini.

Beliau berkata permintaan yang banyak bagi perumahan jenis kos rendah di India membuka peluang kepada pemaju perumahan dan pembinaan tempatan mengembangkan projek mereka di sana.

"India mengundang pemaju-pemaju tempatan untuk melaksanakan projek di sana sama ada secara usahasama atau persendirian," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat daripada Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia, Vijay K. Nambiar, yang akan tamat tempoh perkhidmatannya tidak lama lagi, di pejabatnya, di sini.

Pada masa ini, hanya dua syarikat pemaju perumahan tempatan yang menjalankan projek berkenaan di India.

"Pesuruhjaya Tinggi yang baru nanti akan meneruskan rancangan mempelajari mengenai projek perumahan di Malaysia serta menarik lebih ramai pelabur tempatan ke India," kata Ting.

Mengenai projek perumahan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di Jalan Jelatek di sini, yang di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin, Ting berkata fasa pertama sebanyak 400 unit rumah pangsa kos rendah telah siap dan akan disewakan tidak lama lagi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyerahkan kunci rumah kepada penyewa yang layak iaitu golongan berpendapatan kurang RM500 sebulan.

Beliau berkata kementerian menerima laporan bahawa banyak permohonan ditolak kerana pemohon berpendapatan bulanan melebihi jumlah ditetapkan.

"Jika didapati tidak ramai penyewa yang berpendapatan kurang RM500 sebulan, permohonan mungkin dibuka kepada golongan yang pendapatannya lebih tinggi," katanya.

Kadar sewa yang ditetapkan bagi perumahan itu tidak melebihi RM120 sebulan dan penyewa dibenarkan menyewa tidak lebih lima tahun, katanya.

Terdahulu dari itu, Ting yang juga penasihat bagi Persekutuan Persatuan Pemilik Bengkel Kereta Malaysia menerima memorandum daripada anggota-anggotanya.

Memorandum itu bagi mewujudkan satu skim baru bagi pemilik kenderaan mengemukakan tuntutan insuran selepas membaiki kenderaan. -- BERNAMA

RAZ NAK